

26 Ogos 2020 (Rabu)

Negeri Sembilan bina pusat perlindungan anjing liar

SEREMBAN – Kerajaan Negeri Sembilan menyediakan sebuah pusat perlindungan seluas 0.4 hektar bagi menempatkan anjing-anjing liar yang ditangkap.

Ia susulan banyak aduan dan rungutan daripada orang ramai mengenai masalah anjing liar di kawasan perumahan mereka selain isu tempat perlindungan sedia ada yang dikendalikan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak mampu lagi menempatkan anjing yang bilangannya semakin bertambah.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong berkata, pusat perlindungan tersebut kini dalam proses pembinaan dan dijangka siap dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Pusat perlindungan ini antara langkah yang diambil kerajaan negeri bagi mengatasi masalah anjing liar yang banyak diterima aduan daripada orang ramai.

"Lokasi sesuai telah berjaya dicari bagi mewujudkan pusat perlindungan ini, namun lokasinya dirahsiakan bagi melindungi anjing-anjing ini tidak terancam," katanya.

Beliau berkata demikian kepa-



KOK SEONG (empat dari kanan) menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Matrix Concepts kepada FurryKids Safehaven di Mambau, Seremban semalam.

da pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan sumbangan dana sebanyak RM50,000 kepada Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar (FurryKids Safehaven) di Kampung Mawar, Mambau dekat

sini semalam.

Menurut Kok Seong, pusat perlindungan anjing liar itu sepatutnya sudah lama dibina, namun masalah lokasi menyebabkan ia mengambil sedikit masa.

ditempatkan di pusat perlindungan ini, namun tidak dapat menampung lagi jumlah anjing liar yang ditangkap di sekitar negeri ini," katanya.

Sementara itu, sumbangan RM50,000 tersebut diberikan oleh Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) yang bertujuan membantu persatuan tersebut dalam menguruskan pusat perlindungan haiwan terbiar kelolaan mereka.

Presiden FurryKids Safehaven, Surevin Nair berkata, dana yang diterima itu merupakan suntikan semangat kepada pihak persatuan yang sememangnya mempunyai masalah dana.

"Kami juga sedang membina sebuah lagi pusat perlindungan di Seremban bagi menempatkan anjing-anjing liar tersebut. Jika dilihat peruntukan dana yang diberi dapat membantu pusat ini untuk menjaga haiwan terbiar," katanya.

Selain itu, Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts, Ho Kong Soon pula berkata, sumbangan tersebut ini diharap dapat membantu persatuan berkenaan dalam memelihara dan menyediakan pusat perlindungan anjing liar yang lebih baik.

"Ketika ini, anjing liar yang ditangkap ditempatkan di tempat perlindungan yang dikendalikan NGO di pusat perlindungan haiwan terbiar di Mambau.

"Sebanyak 1,875 ekor anjing liar